



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010 - 2011)

BAHAGIAN A: MUKADIMAH

<i>Pengenalan</i>	3
<i>Objektif</i>	3

BAHAGIAN B: RESOLUSI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

TA`WIDH DAN GHARAMAH

1. <i>Kos Dana Pembiayaan (Cost of Fund) Bukan Sebahagian daripada Ta`widh</i>	4
2. <i>Penentuan Kadar Ta`widh</i>	4
3. <i>Caj Lewat Bayar bagi Hutang Penghakiman</i>	5

BAI` DAYN

4. <i>Pembelian Hutang dengan Komoditi</i>	7
--	---

TAWARRUQ

5. <i>Struktur Kad Kredit-i Berasaskan Tawarruq</i>	8
---	---

WA`D

6. <i>Pengenaan Fi ke atas Wa`d dalam Produk Urus Niaga Hadapan Mata Wang Asing (Forex Forward)</i>	9
7. <i>Urus Niaga Hadapan Mata Wang Asing Berasaskan Wa`d dan Murabahah Komoditi</i>	9

TAKAFUL

8. <i>Keperluan Modal dalam Operasi Takaful</i>	11
9. <i>Pembayaran daripada Dana Risiko Peserta apabila Berlaku Penyerahan Semula (Surrender) daripada Peserta Sebelum Tamat Tempoh Kontrak</i>	11
10. <i>Pembayaran Manfaat kepada Peserta yang Memenuhi Tempoh Kematangan Kontrak (Maturity Benefit) atau Manfaat Kelangsungan Hidup (Survival Benefit)</i>	12
11. <i>Pengenaan Fi atas Pengendalian Tabarru`</i>	13
12. <i>Takaful Semula dengan Syarikat Insurans dan Insurans Semula Konvensional</i>	14

CAGAMAS

13. <i>Skim Rumah Pertamaku oleh Cagamas</i>	16
--	----

LAIN-LAIN

14. <i>Transformasi Produk Simpanan Konvensional kepada Produk Pelaburan Patuh Syariah</i>	17
--	----

BAHAGIAN A: MUKADIMAH

PENGENALAN

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) sebagai badan berkuasa tertinggi dalam penentuan hukum-hukum Syarak berhubung kewangan Islam telah diberikan mandat untuk memastikan keputusan-keputusan Syariah yang dibuat adalah berwibawa dan berintegriti. Menerusi siri perbincangan yang mendalam dan proses perundingan yang teliti oleh MPS sepanjang tahun 2010 dan 2011, kompilasi ilmiah resolusi ini dihasilkan sebagai manifestasi *ijtihad* secara bersama oleh barisan cendekiawan berhubung perkara Syariah dalam kewangan Islam. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam 2010 – 2011 ini melengkapinya Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua) yang diterbitkan pada tahun 2010 manakala asas-asas pertimbangan bagi setiap resolusi akan disertakan dalam edisi akan datang.

OBJEKTIF

Resolusi ini bertujuan:

- (i) Menyiarkan keputusan-keputusan Syariah MPS sepanjang tahun 2010 - 2011;
- (ii) Menyediakan interpretasi Syariah yang konsisten kepada industri kewangan Islam secara keseluruhannya; dan
- (iii) Sebagai panduan kepada industri kewangan Islam, mahkamah, penimbang tara dan masyarakat secara amnya.

BAHAGIAN B: RESOLUSI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

TA`WIDH DAN GHARAMAH

1. Kos Dana Pembiayaan (*Cost of Fund*) Bukan Sebahagian daripada *Ta`widh*

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada kos dana pembiayaan boleh diambil kira sebagai kos sebenar dalam penentuan *ta`widh* yang boleh dikenakan apabila berlaku kegagalan membayar hutang oleh pelanggan.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat yang ke-111 bertarikh 28 April 2011 telah memutuskan bahawa kos dana pembiayaan tidak boleh diambil kira dalam penentuan *ta`widh*.

2. Penentuan Kadar *Ta`widh*

MPS dirujuk oleh mahkamah berhubung dengan persoalan sama ada kadar *ta`widh* boleh ditetapkan dan/atau dipersetujui terlebih dahulu (*pre-determined*) oleh pihak-pihak dalam suatu perjanjian tanpa dibuktikan kerugian yang dialami oleh pihak institusi kewangan.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-115 bertarikh 25 Ogos 2011 telah memutuskan seperti berikut:

- i. Pihak-pihak yang berkontrak dalam suatu perjanjian tidak boleh menentukan atau memersetujui terlebih dahulu (*pre-determined*) kadar *ta`widh* berdasarkan perkiraan sesama sendiri.
- ii. Namun, mengambil kira kesukaran dalam menentukan jumlah kerugian sebenar dan keperluan kepada penyelarasan dan industri kewangan, pihak yang berkontrak boleh bersetuju dengan kadar *ta`widh* yang ditentukan oleh pihak berkuasa. Dalam konteks sektor perbankan, pihak berkuasa merujuk kepada Bank Negara Malaysia.

3. Caj Lewat Bayar bagi Hutang Penghakiman

Kaedah-kaedah Mahkamah memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengenakan faedah ke atas semua hutang penghakiman. Memandangkan bahawa pengenaan faedah adalah dilarang oleh Syarak, MPS dirujuk berhubung dengan kaedah caj lewat bayar yang selaras dengan hukum Syarak yang boleh dilaksanakan bagi kes perbankan Islam.

Keputusan¹

MPS dalam mesyuarat khas ke-13 bertarikh 25 Julai 2011 dan mesyuarat ke-115 bertarikh 25 Ogos 2011 telah memutuskan bahawa caj pembayaran lewat dalam hutang penghakiman boleh dilaksanakan seperti berikut:

- i. Caj pembayaran lewat bagi hutang penghakiman boleh dikenakan oleh mahkamah dari tarikh penghakiman dibuat sehingga hutang penghakiman tersebut diselesaikan pada kadar yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah mahkamah. MPS memutuskan bahawa kadar tersebut hendaklah ditentukan dengan menggunakan prinsip-prinsip *ta`widh* dan *gharamah*.
- ii. *Ta`widh* merujuk kepada ganti rugi ke atas kerugian sebenar. Mengambil kira kesukaran dalam menentukan jumlah kerugian sebenar dan keperluan kepada penyelarasan dalam industri, MPS memutuskan bahawa kadar kerugian sebenar hendaklah ditetapkan oleh pihak ketiga. Dalam konteks perbankan Islam, MPS memberikan mandat bagi menentukan kadar kerugian sebenar tersebut kepada BNM selaku pihak berkuasa. MPS turut mengambil pendirian bahawa kadar yang boleh diguna pakai bagi menentukan kerugian sebenar ialah kadar semalaman antara bank secara Islam (*daily overnight Islamic interbank rate*) seperti yang dipaparkan dalam laman sesawang Islamic Interbank Money Market (bnm.iimm.gov.my), ditetapkan pada tarikh penghakiman dibuat dan dikira secara bulanan berasaskan kaedah baki harian (*daily rest basis*).

¹ Keputusan MPS ini memansuhkan keputusan MPS dalam mesyuarat ke-50 bertarikh 26 Mei 2005, mesyuarat ke-61 bertarikh 24 Ogos 2006 dan ke-100 bertarikh 30 April – 1 Mei 2010.

- iii. *Gharamah* merujuk kepada penalti yang dikenakan sebagai langkah pencegahan kepada kelewatan pembayaran oleh penghutang. Dalam konteks ini, *gharamah* merujuk kepada perbezaan antara caj pembayaran lewat dan *ta`widh*, iaitu lebih sekiranya *ta`widh* kurang daripada jumlah caj pembayaran lewat. Caj pembayaran lewat adalah ditentukan oleh kaedah-kaedah mahkamah;
- iv. Caj pembayaran lewat ke atas hutang penghakiman tidak boleh dikompaunkan;
- v. Pemiutang penghakiman hanya berhak menerima jumlah *ta`widh* sahaja. Sekiranya jumlah *ta`widh* menyamai atau melebihi jumlah caj pembayaran lewat, keseluruhan jumlah caj pembayaran lewat tersebut boleh diambil oleh pemiutang penghakiman. Sebaliknya, jika jumlah caj pembayaran lewat melebihi jumlah *ta`widh*, lebih tersebut perlu disalurkan kepada badan kebajikan;
- vi. Jumlah caj pembayaran lewat tidak boleh melebihi amaun baki pokok;
- vii. Pengiraan caj pembayaran lewat bagi hutang penghakiman adalah dikenakan ke atas jumlah asas penghakiman. Jumlah asas penghakiman adalah baki tertunggak tertakluk kepada *ibra'* sekiranya terpakai dan tidak merangkumi caj pembayaran lewat sebelum penghakiman dan kos-kos lain;
- viii. Berhubung isu pengurusan *gharamah*, MPS mengambil pendirian untuk memberikan mandat kepada Jawatankuasa Syariah/Penasihat Syariah bagi menentukan badan-badan kebajikan yang sesuai untuk menerima *gharamah* termasuk *baitul mal*. Penyaluran *gharamah* tersebut perlu dilaksanakan oleh pemiutang penghakiman. Pemiutang penghakiman hendaklah memastikan bahawa sebarang penyaluran *gharamah* kepada badan kebajikan tidak menghasilkan sebarang bentuk manfaat kepada pemiutang penghakiman tersebut; dan
- ix. Selain itu, institusi-institusi di bawah kawal selia BNM perlu menghantar laporan tentang penyaluran *gharamah* yang telah dilaksanakan oleh institusi berkenaan dari semasa ke semasa.

MPS dalam mesyuarat ke-115 bertarikh 25 Ogos 2011 juga telah memutuskan bahawa tiada halangan Syariah bagi penimbang tara mengenakan caj lewat bayar seperti yang diperuntukkan oleh prosedur timbang tara atau seperti yang terpakai di mahkamah jika, mengikut undang-undang ia boleh diguna pakai oleh penimbang tara.

BAI` DAYN

4. Pembelian Hutang dengan Komoditi

Entiti XYZ berhasrat untuk membeli hutang kewangan Islam berasaskan konsep *bai` al-dayn bi al-sila`*. Berdasarkan struktur yang dicadangkan, entiti XYZ akan membeli komoditi secara tunai daripada Broker A pada harga belian bersamaan dengan nilai pembelian hutang. Entiti XYZ akan membeli hutang kewangan daripada sebuah institusi kewangan Islam di bawah perjanjian induk jual beli (*master agreement*) pada harga belian dan membuat bayaran pembelian dengan komoditi yang diserahkan secara lani. Pada masa yang sama, entiti XYZ melantik institusi kewangan Islam tersebut sebagai ejen di bawah perjanjian induk perkhidmatan (*master service agreement*) untuk terus mentadbir hutang kewangan bagi pihak entiti XYZ. Institusi kewangan Islam tersebut akan menjual komoditi kepada Broker B melalui entiti XYZ, sebagai ejen, secara lani, pada harga yang bersamaan dengan nilai pembelian hutang.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada cadangan mekanisme pembelian hutang dengan komoditi seperti di atas dibenarkan.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-117 bertarikh 19 Oktober 2011 telah meluluskan cadangan mekanisme baru untuk pembelian hutang dengan menggunakan komoditi sebagai imbalan.

5. Struktur Kad Kredit-i Berasaskan *Tawarruq*

Struktur kad kredit *tawarruq* melibatkan pengaturan urus niaga *tawarruq* sebagaimana yang dilaksanakan dalam produk pembiayaan berasaskan *tawarruq* sedia ada dalam pasaran (contohnya, pembiayaan peribadi). Pengaturan urus niaga *tawarruq* tersebut ialah seperti berikut:

- i. Institusi kewangan Islam membeli komoditi daripada broker A secara tunai dalam pasaran komoditi yang diiktiraf;
- ii. Institusi kewangan Islam menjual komoditi tersebut kepada pelanggan secara kredit pada harga kos ditambah margin keuntungan; dan
- iii. Pelanggan melantik institusi kewangan Islam sebagai wakil untuk menjual komoditi tersebut kepada broker B secara tunai dalam pasaran komoditi.

Jualan secara tunai daripada pelanggan kepada broker B akan membolehkan pelanggan mendapatkan amaun tunai pembiayaan, manakala jualan secara tangguh daripada institusi kewangan Islam kepada pelanggan akan mewujudkan obligasi kewangan yang perlu dibayar oleh pelanggan dalam tempoh yang telah dipersetujui.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pelaksanaan *tawarruq* dalam produk kad kredit-i dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-106 bertarikh 28 Oktober 2010 telah meluluskan cadangan berhubung pelaksanaan *tawarruq* dalam produk kad kredit-i seperti yang dicadangkan.

6. Pengenaan Fi ke atas *Wa`d* dalam Produk Urus Niaga Hadapan Mata Wang Asing (*Forex Forward*)

Urus niaga hadapan mata wang asing secara Islam (*Forex Forward-i*) yang menggunakan konsep *wa`d* merupakan salah satu cara penyelesaian patuh Syariah kepada pelanggan-pelanggan korporat dalam aspek perlindungan nilai mata wang asing. Dalam memperkasakan pemasaran dan permintaan terhadap produk ini, terdapat cadangan daripada sebuah institusi kewangan Islam untuk memperkenalkan produk urus niaga hadapan mata wang asing menggunakan konsep *wa`d* yang dikenakan yuran atau fi.

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada cadangan produk urus niaga hadapan mata wang asing dengan pengenaan fi ke atas *wa`d* dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-102 bertarikh 22 Jun 2010 telah memutuskan bahawa institusi-institusi kewangan Islam dibenarkan untuk melaksanakan urus niaga hadapan mata wang asing bagi tujuan lindung nilai berasaskan konsep *wa`d* yang membawa kesan mengikat (*mulzim*) kepada pihak yang memberi janji. Walau bagaimanapun, sebarang bentuk balasan, termasuklah pengenaan yuran atau fi ke atas *wa`d* dalam urus niaga hadapan mata wang asing adalah tidak dibenarkan. Ini kerana dari sudut perundangan, kewujudan balasan ke atas sesuatu janji akan menjadikan janji tersebut sebagai kontrak. Ia akan menyebabkan berlakunya kontrak pertukaran mata wang dengan mata wang yang lain secara bertangguh yang dilarang Syarak.

7. Urus Niaga Hadapan Mata Wang Asing Berasaskan *Wa`d* dan *Murabahah* Komoditi

Sebuah institusi perbankan Islam berhasrat untuk memperkenalkan satu produk urus niaga hadapan mata wang asing yang dilihat berkemampuan untuk

melindungi kedua-dua belah pihak yang berkontrak dan selaras dengan peraturan-peraturan Syarak.

Struktur yang dicadangkan melibatkan janji oleh dua pihak yang berurus niaga iaitu *wa`d* yang pertama untuk membeli mata wang asing (*sarf*) dan *wa`d* kedua untuk membeli komoditi berasaskan *murabahah*. Ilustrasi urus niaga seperti berikut:

Seorang pelanggan berminat untuk membeli USD 100 untuk MYR 300 pada kadar yang dipersetujui pada tarikh hadapan. Pelanggan tersebut berjanji untuk melakukan bai` al-sarf bagi membeli USD 100 daripada bank untuk MYR 300 pada kadar yang dipersetujui iaitu 3.00, pada tarikh hadapan, dengan syarat jika kadar yang dipersetujui lebih tinggi dari kadar pasaran pertukaran mata wang asing. Bank pula berjanji untuk melakukan urus niaga murabahah komoditi dengan pelanggan pada kadar margin yang dipersetujui, pada tarikh hadapan, dengan syarat jika kadar yang dipersetujui lebih rendah daripada kadar pasaran pertukaran mata wang asing.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada produk ini dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-113 bertarikh 23 Jun 2011 telah memutuskan bahawa struktur urus niaga mata wang asing secara Islam berasaskan struktur janji untuk melakukan pertukaran mata wang (*sarf*) dan janji untuk melaksanakan *murabahah* komoditi adalah dibenarkan kerana dua janji yang dibuat tidak bertimbal balik dan urus niaga melibatkan dua subjek yang berbeza. Walau bagaimanapun, syarat yang dikaitkan dengan janji-janji tersebut perlu berasaskan ukur rujuk (*benchmark*) pergerakan kadar pasaran pertukaran mata wang asing dibandingkan dengan kadar pertukaran mata wang yang dipersetujui pada hari urus niaga.

8. Keperluan Modal dalam Operasi Takaful

Selaras dengan tanggungjawab pengendali takaful sebagai entiti yang dilantik untuk menguruskan operasi takaful, pengendali takaful adalah tertakluk kepada keperluan modal yang ditetapkan oleh pengawal selia. Modal tersebut merupakan syarat penubuhan operasi bagi membolehkan pengambilan tenaga kerja, pembangunan sistem dan sebagainya. Ia juga dilihat sebagai langkah pruden untuk memastikan kewujudan dana yang mencukupi bagi menanggung risiko berkaitan perniagaan, termasuk kebarangkalian untuk pengendali takaful memberi *qard* kepada Dana Risiko Peserta apabila perlu, serta bagi pengendali takaful untuk kekal solven.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada Syariah membenarkan supaya mewajibkan pengendali takaful menyediakan atau memberikan modal. Ini kerana terdapat pihak yang menganggap tindakan mewajibkan pengendali takaful untuk menyediakan modal adalah sama dengan memberi jaminan ke atas manfaat takaful, sebagaimana yang dilaksanakan oleh insurans konvensional.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-102 bertarikh 22 Jun 2010 memutuskan bahawa pengawal selia iaitu Bank Negara Malaysia boleh mewajibkan keperluan modal pruden dalam operasi takaful berdasarkan pertimbangan bahawa dasar atau polisi yang digubal oleh pengawal selia ialah untuk memelihara kemaslahatan awam.

9. Pembayaran daripada Dana Risiko Peserta apabila Berlaku Penyerahan Semula (*Surrender*) daripada Peserta Sebelum Tamat Tempoh Kontrak

Dalam konteks takaful, sumbangan *tabarru`* didahulukan ke dalam Dana Risiko Peserta untuk membiayai perlindungan takaful sepanjang tahun atau sepanjang tempoh kontrak. Peserta berhak membuat penyerahan semula pelan takaful atas

sebab-sebab tertentu, antaranya, manfaat takaful yang sebenar tidak menepati keperluan peserta, perubahan kehendak peserta, peserta tidak mampu meneruskan caruman dan sebagainya.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pembayaran nilai serahan-semula daripada Dana Risiko Peserta dibenarkan. Ketidakpastian dalam isu ini timbul kerana dikhuatiri pembayaran nilai serahan-semula daripada Dana Risiko Peserta mungkin bercanggah dengan konsep *tabarru`* .

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-102 bertarikh 22 Jun 2010 telah memutuskan bahawa pembayaran nilai serahan-semula dari Dana Risiko Peserta kepada peserta yang membuat penyerahan semula adalah dibenarkan dan tidak bercanggah dengan konsep *tabarru`* sekiranya ia dipersetujui oleh para peserta dan ianya dimaklumkan secara jelas dalam kontrak.

10. Pembayaran Manfaat kepada Peserta yang Memenuhi Tempoh Kematangan Kontrak (*Maturity Benefit*) atau Manfaat Kelangsungan Hidup (*Survival Benefit*)

Secara amnya, tujuan sumbangan *tabarru`* ialah pembayaran manfaat takaful apabila berlaku musibah ke atas peserta takaful seperti kematian, keilatan kekal, penyakit kritikal dan sebagainya. Walau bagaimanapun, MPS dirujuk berhubung isu sama ada pembayaran manfaat takaful boleh berasaskan keperluan peserta dan sama ada ianya menepati tujuan sumbangan *tabarru`* . Sebagai contoh:

- i. Manfaat kematangan kontrak (*maturity benefit*) seperti pembiayaan pendidikan yang merupakan suatu keperluan untuk membiayai kos pendidikan anak-anak; atau
- ii. Manfaat kelangsungan hidup (*survival benefit*) seperti manfaat persaraan dan anuiti untuk memberi bantuan kewangan bagi menampung keperluan selepas persaraan dan hari tua.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-102 bertarikh 22 Jun 2010 telah memutuskan bahawa pembayaran manfaat dari Dana Risiko Peserta boleh dibuat berdasarkan persetujuan pihak-pihak yang berkontrak dan tidak terhad kepada musibah sahaja.

11. Pengenaan Fi atas Pengendalian *Tabarru`*

Terdapat beberapa pengendali takaful melaksanakan model operasi yang tidak membenarkan perkongsian lebih pengunderaitan dalam Dana Risiko Peserta, dan mengenakan fi berdasarkan peratusan caruman *tabarru`*. Fi ke atas pengendalian *tabarru`* ini dikenakan sebagai 'upah' ke atas tanggungjawab pengendali takaful untuk mengendalikan risiko dalam Dana Risiko Peserta. Fi ini akan ditempatkan dalam Dana Risiko Peserta dan hanya akan disalurkan ke dalam Dana Pemegang Saham sekiranya Dana Risiko Peserta mempunyai lebih pada akhir tahun kewangan. Namun, sekiranya Dana Risiko Peserta mengalami defisit, fi tersebut akan digunakan untuk mengurangkan defisit dalam Dana Risiko Peserta.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pengenaan fi atas pengendalian *tabarru`* dibenarkan dalam model operasi takaful.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-102 bertarikh 22 Jun 2010 memutuskan bahawa fi atas pengendalian *tabarru`* adalah dibenarkan, dengan syarat fi tersebut dikenakan untuk tujuan khusus yang tidak diambil kira dalam penentuan fi *wakalah* dan fi yang lain dan tertakluk kepada mekanisme pengawalan pruden yang ditetapkan oleh pengawal selia untuk memastikan fi atas pengendalian *tabarru`* yang dikenakan oleh pengendali takaful adalah munasabah dan tidak berlebihan.

12. Takaful Semula dengan Syarikat Insurans dan Insurans Semula Konvensional

Pengaturan takaful semula merupakan salah satu cara bagi pengendali takaful untuk mengurangkan beban risiko yang ditanggung dalam menyediakan perlindungan kepada peserta takaful. Ia merujuk kepada perkongsian risiko antara pengendali takaful dengan pengendali takaful (dan takaful semula) atau syarikat insurans (dan insurans semula) yang lain. Dengan adanya pengaturan takaful semula yang berkesan, pengendali takaful dapat meningkatkan kapasiti dan menstabilkan prestasi pengunderaitannya, serta berupaya melindungi dana takaful daripada bebanan kewangan yang ketara sekiranya berlaku tuntutan di luar jangkaan.

Pengaturan takaful semula kebiasaannya dilaksanakan menerusi dua cara utama seperti yang berikut:

- i. Takaful semula alir masuk (*inward retakaful*) iaitu pengendali takaful menerima risiko daripada pengendali takaful (dan takaful semula) atau syarikat insurans (dan insurans semula) yang lain; dan
- ii. Takaful semula alir keluar (*outward retakaful*) iaitu pengendali takaful mengagih risiko yang diunderaitnya kepada pengendali takaful (dan takaful semula) atau syarikat insurans (dan insurans semula) yang lain.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu-isu berikut:

- i. Sama ada penerimaan takaful semula alir masuk oleh pengendali takaful daripada syarikat insurans (dan insurans semula) dibenarkan; dan
- ii. Sama ada pengagihan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans (dan insurans semula) dibenarkan.

Keputusan²

MPS dalam mesyuarat ke-113 bertarikh 23 Jun 2011 dan mesyuarat ke-114 bertarikh 28 Julai 2011 telah memutuskan seperti yang berikut:

² Keputusan MPS ini akan memansuhkan keputusan MPS dalam mesyuarat ke-47 bertarikh 14 Februari 2005.

- i. Pengendali takaful (dan takaful semula) tidak dibenarkan menerima alir masuk daripada syarikat insurans (dan insurans semula) kecuali bagi alir masuk risiko patuh Syariah dan menggunakan kontrak takaful semula. Penentuan sama ada sesuatu risiko adalah patuh Syariah hendaklah dinilai dan disahkan oleh Jawatankuasa Syariah dan diluluskan oleh lembaga pengarah pengendali takaful (dan takaful semula) berkenaan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia boleh meletakkan syarat-syarat pengawalan untuk memastikan penerimaan alir masuk daripada syarikat insurans (dan insurans semula) selari dengan keperluan semasa dan tahap perkembangan industri takaful atau takaful semula.
- ii. Pengendali takaful (dan takaful semula) tidak dibenarkan untuk mengagihkan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans (dan insurans semula) kecuali untuk kes-kes yang tidak dapat dielakkan iaitu:
 - a. Pengendali takaful (dan takaful semula) sedia ada tidak menerima risiko tersebut;
 - b. Pengendali takaful (dan takaful semula) sedia ada tidak mempunyai kapasiti atau kepakaran untuk menerima risiko tersebut; dan
 - c. Pengaturan takaful semula dengan pengendali takaful (dan takaful semula) yang bersedia menerima risiko tersebut akan lebih memudaratkan³ dana takaful.

Sekiranya berlaku kes-kes di atas, keperluan untuk mengagihkan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans (dan insurans semula) perlu mendapatkan penilaian dan pengesahan daripada Jawatankuasa atau Penasihat Syariah dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pengendali takaful (dan takaful semula) tersebut.

³ Maklumat terperinci berhubung perkara ini boleh didapati dalam garis panduan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

13. Skim Rumah Pertamaku oleh Cagamas

Skim Rumah Pertamaku (Skim SRP) yang telah diumumkan oleh Kerajaan Malaysia dalam Bajet Malaysia 2011 adalah bertujuan untuk membantu warga muda Malaysia untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim SRP ini membolehkan pelanggan institusi perbankan yang berkelayakan mendapatkan pembiayaan sehingga 100% daripada institusi-institusi perbankan yang mengambil bahagian untuk membiayai rumah pertama mereka.

Melalui Skim SRP ini, institusi perbankan akan memberikan sehingga 100% pembiayaan perumahan secara Islam kepada pelanggan yang berkelayakan. Institusi perbankan akan melantik anak syarikat Cagamas Holdings Berhad (Cagamas) iaitu Cagamas Skim Rumah Pertamaku Berhad (Cagamas SRP) sebagai wakil (dalam kontrak *wakalah*) untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, termasuklah penilaian risiko ke atas portfolio pembiayaan perumahan secara Islam dengan upah yang dipersetujui. Institusi perbankan memindahkan tanggungannya untuk membayar upah tersebut terhadap Cagamas SRP kepada Cagamas di bawah prinsip *hiwalah al-dayn*. Cagamas SRP kemudiannya akan menjamin pembiayaan yang diberikan oleh institusi perbankan sehingga 10% di bawah prinsip *kafalah* tanpa sebarang fi. Cagamas SRP selaku penjamin akan membayar apa-apa tuntutan (terhad kepada jumlah jaminan) kepada institusi perbankan sekiranya berlaku kejadian kemungkiran melaksanakan pembayaran pembiayaan oleh pelanggan. Setelah membayar tuntutan kepada institusi perbankan, Cagamas SRP akan melaksanakan rekursa ke atas pelanggan melalui institusi perbankan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pelaksanaan konsep *hiwalah*, *wakalah* dan *kafalah* dalam Skim Rumah Pertamaku ini dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-74 bertarikh 3 April 2008 dan mesyuarat ke-108 bertarikh 27 Januari 2011 telah memutuskan bahawa pelaksanaan konsep

wakalah, *hiwalah*, dan *kafalah* dalam Skim Rumah Pertamaku dibenarkan Syarak dengan syarat-syarat berikut:

- i. Pelaksanaan kontrak *wakalah* dan *kafalah* hendaklah dimeterai secara berasingan; dan
- ii. Pelaksanaan *hiwalah* antara institusi-institusi perbankan Islam dengan Cagamas Berhad hendaklah tidak mengandungi syarat yang menghalang Cagamas SRP daripada melakukan rekursa terhadap pelanggan melalui institusi perbankan Islam.

LAIN-LAIN

14. Transformasi Produk Simpanan Konvensional kepada Produk Pelaburan Patuh Syariah

Sebuah institusi perbankan berhasrat untuk menukarkan produk simpanan konvensional kepada produk pelaburan patuh Syariah berasaskan konsep *mudarabah*. Proses penukaran dana produk simpanan secara konvensional kepada produk pelaburan *mudarabah* ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan pelancaran hanya akan dilakukan apabila keseluruhan dana telah dipindahkan sepenuhnya kepada dana yang diuruskan secara patuh Syariah. Dalam merealisasikan tujuan ini, institusi perbankan tersebut akan menggunakan strategi peningkatan aset perbankan Islam secara agresif iaitu semua pembiayaan baru akan ditawarkan secara Islam dan pelaburan akan dibuat dalam instrumen kewangan Islam jangka pendek.

Dalam melaksanakan proses pemindahan dana daripada dana simpanan konvensional kepada dana pelaburan *mudarabah* ini, institusi perbankan tersebut bercadang untuk melaksanakan pemindahan dana melibatkan keseluruhan dana simpanan konvensional, termasuklah modal dan dividen yang telah ditukar dalam bentuk sijil.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung isu sama ada proses transformasi produk simpanan konvensional kepada produk pelaburan berasaskan konsep *mudarabah* ini dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS dalam mesyuarat ke-107 bertarikh 30 Disember 2010 telah memutuskan bahawa tiada halangan Syarak berhubung cadangan transformasi produk simpanan konvensional (termasuklah sijil simpanan yang terhasil daripada dividen yang telah diisytiharkan) kepada produk pelaburan berasaskan *mudarabah*. Ini kerana dividen yang diterima oleh pelanggan di bawah produk simpanan konvensional diiktiraf sebagai hak milik pelanggan selaku *rabbul mal* (pelabur) dalam pelaburan baharu yang berlandaskan Syarak.

**Sekretariat
Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
Julai 2012**